

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1993/94

ATP 204 - PENGURUSAN PENGELUARAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan 1 dan 2 WAJIB dan pilih TIGA soalan yang lain.

Soalan 1 (WAJIB)

- Nyatakan kefahaman anda tentang Pengurusan Pengeluaran/Operasi. Mengapakah ia merupakan satu bidang kajian yang penting?
- Nyatakan tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh Pengurus Pengeluaran/Operasi dalam tempoh jangka panjang dan dalam tempoh jangka pendek.
- Apakah produktiviti? Mengapakah ia penting dalam Pengurusan Pengeluaran/Operasi?
- Bincangkan secara ringkas mengenai "keutamaan persaingan".
- Untuk menjadi seorang pengurus pengeluaran yang berjaya, apakah bidang kemahiran yang diperlukan?

[20 markah]

Soalan 2 (WAJIB)

- Seorang pengeluar perabot pejabat telah menyediakan ramalan permintaan seperti dibawah. Berdasarkan maklumat yang diberi, bandingkan Rancangan A dengan Rancangan B dan pilih rancangan yang terbaik.

Bulan	Ramalan Permintaan (unit)	Bilangan hari bekerja
Jan	900	22
Feb	700	18
Mac	800	21
Apr	1200	21
Mei	1500	22
Jun	1100	20

...2/-

Maklumat tentang kos:

Kos simpan inventori	RM 5/unit/bulan
Kos subkontrak	RM 18/unit
Purata kadar bayaran waktu kerja biasa	RM 5/jam (RM 40/hari)
Kadar bayaran kerja lebih masa	RM 7/jam (jika melebihi 8 jam)
Jam-buruh bagi penghasilan seunit	1.6 jam/unit
Kos peningkatan kadar pengeluaran (pengambilan & latihan)	RM 10/unit
Kos pengurangan kadar pengeluaran (pembuangan)	RM 15/unit

Bagi Rancangan A, pengeluar mahu mengekalkan tenaga kerja seramai 6 orang dan mengadakan kerja lebih masa bila perlu. Bagi Rancangan B, seramai 7 orang pekerja diguna sepanjang tempoh perancangan dan permintaan yang melebihi pengeluaran akan dipenuhi dengan menggunakan subkontraktor.

[10 markah]

- (b) Di bawah ini adalah permintaan dijangka bagi salah satu dari model kerusi yang dikeluarkan oleh pengeluar perabot seperti dalam soalan (a). Pengeluarannya adalah dalam lot 53 unit dan ketika ini terdapat 43 unit dalam simpanan. Pengeluar merancang untuk mengekalkan 33 unit sebagai stok keselamatan. Bentuk satu jadual induk pengeluaran bagi model kerusi tersebut.

Inventori permulaan = 43 Saiz lot pengeluaran = 53	Minggu									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Ramalan permintaan:										
• dari pengguna			8	13	8	18	13	13	18	13
• dari pemboorong			8		13	15	10	13		
Pesanan:										
• dalam negeri	13	18	13	13	25	20	25		12	
• luar negeri		8	8		9	8	10		8	

[10 markah]

Jawab TIGA soalan yang lain.

Soalan 3

(a) Bincangkan mengenai kaedah meramal secara kualitatif dan kuantitatif

[10 markah]

(b) Berdasarkan data berikut, dapatkan persamaan regresinya dan nilai r .

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah hari hujan dalam setahun</u>	<u>Bilangan kekalahan yang dialami oleh pasukan bolasepak kelab USM</u>
1970	15	25
1971	25	20
1972	10	10
1973	10	15
1974	30	20
1975	20	15
1976	20	20
1977	15	10
1978	10	5
1979	25	20

[10 markah]

Soalan 4

(a) Apakah PKB?


(b) Apakah "penerimaan terjadual"? dan apa pula "penerimaan dirancang"? (dalam konteks PKB).

(c) Jelaskan kegunaan PKB.

(d) Apakah PSP II?

[10 markah]

- (e) Berdasarkan struktur produk bagi Beta, masa menunggu (minggu), kuantiti dalam tangan, penerimaan terjadual dan jadual induk, sediakan jadual PKB bagi Beta dan komponen-komponennya.



	<u>Masa menunggu</u>	<u>Dalam tangan</u>	<u>Penerimaan Terjadual</u>
Beta	1	10	
C	2	15	13 (minggu 3)
D	3	10	10 (minggu 5)
E	1	50	35 (minggu 7)
F	2	100	50 (minggu 8)

Jadual Induk Pengeluaran bagi Beta

Minggu	6	7	8	9
Keperluan kasar			75	100

[10 markah]

Soalan 5

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengelasan ABC? Terangkan prosedur yang perlu diambil oleh sesebuah organisasi yang mahu mengelaskan inventornya mengikut pengelasan ABC. [10 markah]
- (b) Sebuah hotel membeli sejumlah pen pada harga RM 2 setiap satu. Syarikat pembekal pen mencadangkan pada pihak hotel agar meningkatkan kuantiti pesanan sekali ganda lagi supaya diskaun sebanyak 31 peratus daripada harga dapat diberi bagi setiap batang pen yang dibeli. Pada masa ini pihak hotel memesan 150 pen setiap 2 bulan. Kos memesan ialah RM 11 bagi setiap pesanan dan kos menyimpan pula ialah 12 peratus dari harga. Patutkah pihak hotel menerima cadangan ini? Buktikan.

[10 markah]

...5/-

Soalan 6

- (a) Apakah yang anda faham tentang kualiti?
Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan "kesan gunung Fuji"?
Dimanakah kawalan kualiti patut dijalankan?

[10 markah]

- (b) Baru-baru ini seorang pengurus syarikat membuat anak patung telah melaksanakan satu program kawalan kualiti dalam proses bagi lini pengeluarannya. Jadual dibawah menunjukkan keputusan yang diperolehi dari 5 kumpulan sampel yang telah diuji dalam tempoh 5 minggu pengeluaran selepas pelaksanaan program tersebut.

<u>Minggu</u>	<u>Saiz sampel</u>	<u>Bilangan rosak</u>
1	100	3
2	100	18
3	100	25
4	100	11
5	100	15

Andaikan carta kawalan proses yang telah dibentuknya mempunyai garis tengah iaitu $p = 0.10$ dengan sisih piawai yang diperolehi dari pengiraan menggunakan data di atas dengan jeda keyakinan 95.45 peratus. Apakah yang boleh anda katakan mengenai proses membuat anak patung tersebut berdasarkan pengalaman dalam tempoh 5 minggu itu?

Pengurus syarikat ini kemudiannya telah memutuskan untuk mengubahsuai carta kawalan proses yang telah dibentuknya itu (ubah nilai tengah dan batas-batas kawalan berdasarkan data yang telah dikumpul dalam tempoh 5 minggu tadi). Dapatkan nilai terbaru bagi carta kawalan prosesnya itu.

[10 markah]

---oooOOOooo---

